

RANCANGAN PERNIAGAAN

1. MAKLUMAT PERNIAGAAN

Perkara	Butiran
Nama Perniagaan	NURUL RABIAHTUL ENTERPRISE
Nama Pemilik	RABIAH BINTI ISHAK
No. Kad Pengenalan	840314-10-5334
Jenis Perniagaan	Pemilik Tunggal
Bidang Perniagaan	Perkhidmatan Urutan Tradisional Urat Saraf
Alamat Operasi	No 34 Kampung Mampas Besar, Terachi 71500 Tanjong Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tarikh Mula Operasi	01 Januari 2010
No. Pendaftaran (SSM)	202103247708 (003309944-D)

2. RINGKASAN PERNIAGAAN

Nurul Rabiahtul Enterprise merupakan perniagaan milik penuh Rabiah yang beroperasi di Kampung Mampas Besar Terachi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Perniagaan ini menawarkan perkhidmatan Urutan Tradisional Urat Saraf khas untuk wanita berumur 20 tahun ke atas.

Perkhidmatan meliputi kawasan Terachi, Kuala Pilah, Senaling, Batu Kikir, Bahau, Felda Kepis, Johol, Selatu, Senawang, Seremban, Sikamat, Labu, Mantin, dan Beranang termasuk servis ke rumah pelanggan.

Selain perkhidmatan urutan, perniagaan ini turut menawarkan produk berasaskan herba seperti minyakurut Bidara Serai Wangi, Minyak Belut ORI, Minyak Panas Bidara Serai Wangi, Minyak Panas Aromaterapi Serai Wangi, Minyak Angin Halia Aromaterapi Cengkih, Akar Kayu Rerama, dan Akar Kayu Pengecut untuk wanita lepas bersalin.

Matlamat Perniagaan: Untuk membantu wanita menjaga kesihatan dalaman dan luaran secara tradisional, selamat dan berkesan di samping memperluaskan pasaran produk herba secara dalam talian.

3. PRODUK DAN PERKHIDMATAN

3.1 Keunikan dan Kelebihan Perkhidmatan

Nurul Rabiahtul Enterprise menawarkan perkhidmatan urutan tradisional khas untuk wanita berumur 20 tahun ke atas. Perkhidmatan ini memberi fokus kepada rawatan urat saraf, melancarkan peredaran darah serta membantu menguraikan masalah lenguh badan dan angin.

- Menggunakan teknik urutan tradisional Melayu yang berkonsepkan rawatan semula jadi.
- Menyediakan servis ke rumah bagi memberi keselesaan dan privasi kepada pelanggan wanita.
- Menawarkan harga berpatutan dan mampu milik.
- Memberi layanan mesra serta menjaga batas aurat pelanggan.

3.2 Keunikan dan Kelebihan Produk

Minyak Urut Bidara Serai Wangi & Akar Kayu Rerama:

- Dihasilkan menggunakan bahan semula jadi seperti daun bidara, serai wangi, dan akar kayu terpilih.
- Membantu mengurangkan lenguh badan dan sakit sendi.
- Memberi kesan panas yang membantu melancarkan peredaran darah.
- Diproses secara tradisional tanpa bahan kimia berbahaya.
- Sesuai untuk kegunaan harian dan pelbagai peringkat umur.
- Mempunyai potensi pasaran kerana ramai pengguna memilih produk berasaskan herba dan tradisional.

3.3 Senarai Harga Perkhidmatan (Jualan)

Produk / Perkhidmatan	Penerangan Ringkas	Harga (RM)
Perkhidmatan Urutan Urat Saraf	1 Badan	RM120.00 - RM140.00
Perkhidmatan Urutan Stroke	1 Badan	RM160.00 - RM180.00
Urutan Tangan, Bahu dan Kepala	-	RM70.00 - RM90.00

Produk / Perkhidmatan	Penerangan Ringkas	Harga (RM)
Urutan Perut dan Bersengkak	-	RM60.00 - RM80.00
Urutan Betis ke Kaki	-	RM60.00 - RM80.00
Urutan Muka	-	RM30.00 - RM45.00
Akar Kayu Rerama	-	RM50.00
Akar Kayu Pengecut (Wanita Bersalin)	-	RM50.00
Akar Kayu Rerama Uncang	5 Uncang	RM20.00
Pelbagai Jenis Akar Kayu	-	RM50.00
Air Akar Kayu Rerama	Botol 350ml	RM4.00
Akar Kayu Mandian Herba	-	RM50.00
Mandian Herba / Bunga / Limau	-	RM200.00 - RM250.00
Bertangas	-	RM100.00 - RM150.00
Minyak Urut Bidara Serai Wangi	1 Botol	RM20.00
Minyak Panas Bidara Serai Wangi	1 Botol	RM25.00
Minyak Panas Aromaterapi Serai Wangi	1 Botol	RM25.00
Minyak Angin Halia Aromaterapi Cengkih	1 Botol	RM30.00
Minyak Belut ORI	1 Botol	RM25.00

3.4 Senarai Kos Bahan Mentah (Belian)

Produk (Belian)	Penerangan Ringkas	Harga (RM)
Minyak Kelapa Sawit	1 Botol (2 Liter)	RM45.00
Minyak Mineral Oil	1 Botol (5 Liter)	RM90.00
Wintergreen	1 Botol (5 Liter)	RM150.00
Menthol Kristal	1 Pek (1kg)	RM95.00
Botol Kaca 60ml	1 Botol	RM2.90
Botol Plastik 60ml	1 Botol	RM2.00
Stiker Produk	100 pcs	RM85.00
Botol Plastik Roll	1 Botol	RM3.20
Rempah Ratus	1 Pek	RM5.00
Gas Mini	1 Botol	RM7.90
Gas	1 Tong	RM120.00
Plastik	1 Kilo	RM30.00
Uncang	100 pcs	RM18.00
Belut	5 Ekor	RM280.00
Halia	1 Kilo	RM18.00
Bunga Cengkih	1 Kilo	RM90.00
Plastik Pek	1 Bungkus	RM5.00

4. ANALISIS PASARAN

4.1 Sasaran Pelanggan

Sasaran pelanggan adalah wanita berumur 20 hingga 60 tahun yang tinggal di sekitar: Terachi, Kuala Pilah, Senaling, Bahau, Batu Kikir, Felda Kepis, Johol, Selatu, Senawang, Seremban, Sikamat, Pantai, Sendayang, Labu, Mantin, Beranang dan sekitarnya.

Golongan Sasaran Terdiri Daripada:

- Ibu Bekerja, Suri Rumah, Warga Emas Wanita.
- Wanita Selepas Bersalin.
- Wanita yang mengalami strok, masalah urat saraf, dan lenguh badan.

**Perkhidmatan ini khusus untuk wanita sahaja bagi memastikan keselesaan dan menjaga batas aurat.*

4.2 Tahap Permintaan Pasaran

Permintaan terhadap rawatan urutan tradisional semakin meningkat kerana:

- Ramai wanita mengalami masalah sakit belakang dan urat saraf.
- Gaya hidup yang sibuk menyebabkan tekanan dan keletihan.
- Kesedaran terhadap rawatan alternatif dan herba semakin tinggi.
- Perkhidmatan khusus wanita masih terhad di kawasan luar bandar.

4.3 Pesaing Utama

- Pengusaha Urut Tradisional individu.
- Spa Wanita Kecil di bandar berhampiran.
- Tukang Urut bergerak (mobile massage).

Namun, kebanyakan pesaing tidak fokus sepenuhnya kepada wanita sahaja, tidak menyediakan produk herba sendiri, dan tidak menawarkan pakej rawatan dan produk sekaligus.

4.4 Kelebihan Kompetitif

Nurul Rabihtul Enterprise mempunyai kelebihan berikut:

- Perkhidmatan khas untuk wanita sahaja.
- Servis ke rumah pelanggan (mudah & privasi terjaga).
- Menggunakan minyak herba buatan sendiri.
- Harga berpatutan untuk kawasan luar bandar.
- Gabungan perkhidmatan urutan dan jualan produk kesihatan.

5. STRATEGI PEMASARAN

5.1 Strategi Produk (Product)

Fokus kepada rawatan tradisional berasaskan herba semula jadi, patuh syariah (wanita sahaja), kualiti dan keselamatan bahan.

5.2 Strategi Harga (Price)

Harga ditetapkan berdasarkan kemampuan penduduk luar bandar, harga pasaran setempat, dan nilai perkhidmatan serta kualiti bahan.

5.3 Strategi Promosi (Promotion)

Pemasaran Digital: Facebook Page, WhatsApp Business, TikTok (video testimoni & proses pembuatan minyak), dan Status WhatsApp harian.

Pemasaran Komuniti: Edaran risalah, promosi dari mulut ke mulut, diskaun pelanggan pertama, dan pakej promosi musim perayaan.

5.4 Strategi Tempat (Place)

Perkhidmatan dijalankan secara mobile (ke rumah pelanggan) dengan tempahan melalui WhatsApp. Jualan produk dilakukan secara online dan COD. Strategi ini menjimatkan kos sewaan premis.

6. OPERASI PERNIAGAAN

Perkara	Butiran
Lokasi Operasi	Sebelah rumah (Spa mini)
Waktu Operasi	9:00 am - 10:00 pm
Pembekal Utama	TikTok, Shopee, Kedai Runcit Plastik
Proses Operasi Ringkas	Tempahan Pelanggan -> Perkhidmatan Urutan -> Pengeluaran Minyak -> Kawalan Kualiti -> Pengurusan Rekod

7. PENGURUSAN DAN TENAGA KERJA

Perniagaan diuruskan sepenuhnya oleh pemilik, Rabiah Ishak. Tanggungjawab merangkumi pengurusan tempahan, menjalankan perkhidmatan urutan, menghasilkan produk minyak herba, pemasaran, dan pengurusan kewangan.

Perancangan Masa Hadapan: Menambah sekurang-kurangnya seorang pembantu tetap, membuka bengkel dapur khas pengeluaran minyakurut, dan mengembangkan pasaran ke kawasan luar Kuala Pilah.

8. KEWANGAN (ANGGARAN RINGKAS)

Kos Permulaan	RM
Katil urutan (1 unit)	800
Tilam & bantal sokongan	300
Set tuala (10 helai)	250
Minyakurut & bahan herba permulaan	500
Peralatan dapur kecil (untuk masak minyak herba)	1000
Bekas botol & label produk	400
Banner & bahan promosi	300
Lesen & pendaftaran perniagaan	200
Modal pusingan 2 bulan (stok & kos operasi awal)	2000
JUMLAH ANGGARAN	RM 5,750

9. RISIKO DAN LANGKAH KAWALAN

- **Kekurangan Pelanggan:** Aktif promosi di media sosial, buat pakej diskaun, dan sistem temujanji awal.
- **Persaingan:** Fokus kepada kepakaran urat saraf wanita dan kualiti minyak herba buatan sendiri.
- **Kenaikan Harga Bahan Mentah:** Beli stok secara pukal dan cari pembekal alternatif.
- **Masalah Kesihatan Pengusaha:** Tetapkan had jumlah pelanggan sehari dan rancang ambil pembantu.

10. PENUTUP

Secara keseluruhannya, perniagaan ini mempunyai potensi yang baik untuk berkembang kerana mendapat permintaan dalam kalangan wanita serta produk herba semula jadi yang dimiliki. Bantuan pembiayaan daripada Dana Bank Rakyat akan digunakan sebagai modal untuk membuat bengkel minyak urut herba bagi tujuan pemprosesan, pembungkusan dan penyimpanan produk yang lebih sistematik dan bersih.